

Pengenalan

Gedong merupakan antara penempatan atau pemukiman yang tertua di Sarawak. Beberapa kajian yang dilakukan oleh ahli sejarah mendapati Gedong wujud sejak beratus-ratus tahun lampau. Menurut dapatan daripada beberapa kajian, Gedong wujud lebih awal daripada kegemilangan pemerintahan kerajaan Melaka di Tanah Melayu sekitar kurun ke-15.

Berdasarkan daripada kajian sejarah, Gedong bukan sekadar sebuah desa tetapi pernah menjadi sebuah pusat perdagangan antarabangsa seperti yang tertera dalam peta lama Borneo yang menunjukkan Gedong, dengan nama Sedang (merujuk kawasan Sadong) yang mempunyai hubungan perdagangan atau diplomatik dengan dunia luar terutamanya China.

Untuk melihat kurun awal kewujudan Gedong, ia harus dimulakan dalam konteks sejarah Sarawak secara keseluruhannya. Mantan Pengarah Muzium Sarawak, Datu Dr. Sanib bin Said, dalam kajiannya yang bertajuk: *THE HISTORY OF SARAWAK: Where Do We Begin?* yang diterbitkan dalam *Sarawak Journal*, telah menggunakan cara menarik dalam mentafsirkan sejarah Sarawak dengan meletakkan asal usulnya pada konsep waktu dan ruang. Beliau mencatatkan bahawa Sarawak mempunyai tiga fasa sejarah.

Pertama ialah *Ancient Politico-Cultural Area* (ASPA). Yang kedua ialah *Old Sarawak* (OS) sementara yang ketiga ialah *The New Sarawak* (NS). Setiap fasa sejarah ini dikategori sedemikian mengikut perkembangan dan perubahan peta budaya-politiko dan peta geografi Sarawak.

ASPA ditakrif bagi kawasan budaya-politik dengan

pembentukan wilayah pemerintahan Brunei, mungkin pada abad ke-13. Ketika itu, tidak terdapat kuasa politik yang jelas mendominasi wilayah itu yang berpecah menjadi Brunei, Sabah dan Sarawak pada masa kini. Menurut kajian ini juga, Gedong atau Bukit Sandong ditempatkan dalam satu era dengan Santubong di bawah ASPA.

Beliau berpendapat bahawa penemuan bahan-bahan arkeologi seperti seramik China pada abad ke-14 dan ke-15 di kedua-dua tempat di lembah Batang Sadong (iaitu Gedong dan Bukit Sadong) menunjukkan kesinambungan sejarah di antara kota pelabuhan Santubong dengan kawasan Gedong. Penemuan bahan-bahan sejarah itu juga menunjukkan bahawa Gedong merupakan antara rakan niaga terpenting China pada zaman tersebut.

Selain Santubong, Gedong juga mempunyai garis sejarah yang sama dengan Kabong (Kelaka), Kuala Rejang dan Bintulu. Kawasan ini tertakluk di bawah pentadbiran pemerintahan Kesultanan Brunei dari segi pentadbiran dan ekonomi. Memandangkan kawasan ini begitu penting, maka pentadbiran Astana Brunei menghantar dan menempatkan salah seorang anggota keluarga dirajanya ke kawasan-kawasan berkenaan sebagai ketua pentadbir.

Ketua pentadbir berdarah raja Brunei ini pergi dan menetap di kawasan-kawasan berkenaan hingga akhir hayat mereka. Bukti kepada semua ini terletak pada pusara mereka seperti Sultan Tengah di Santubong dan di Gumpey, berhampiran Gedong terdapat pusara Pengiran Kesuma Yuda.

OS merujuk kepada lembah Sungai Sarawak yang diberikan oleh Sultan Brunei kepada James Brooke pada tahun 1841 dan kemudian menjadi Bahagian Pertama dalam NS, yang kemudian berkembang menjadi Sarawak yang kita kenali sekarang. Muzium Sarawak menemui 79,754 pecahan seramik dan beratus-ratus manik, wang syiling dan artifak emas pada kerja-kerja penggalian yang dijalankan lewat 1960-an atau awal 1970-an di sekitar Gedong. Kira-kira 30 ribu lagi pecahan seramik yang sifat dan usianya hampir sama seperti yang dijumpai di Gedong dan Santubong. Mantan Kurator Muzium Sarawak, Lucas Chin pula melihat sejarah Gedong bermula lebih jauh daripada itu. Dalam kajiannya, beliau merumuskan bahawa Gedong pernah menjadi sebuah pelabuhan penting dari abad ke-7 hingga abad ke-13, sezaman dengan *port city* Santubong.

Tidak siapa yang mampu melihat masa silam dengan tepat dan ahli sejarah hanya berpandu kepada kajian-kajian

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 ایندله سله فرما بیانی اینج عهد زین بجهل ایزد
 فصل کتورون اوشی تمام دهولوب دره سبله
 برافین اصلوب کتورون خا لیا لیا اوق
 اینج جا و دره سبله برافین ایلوب برافین
 و اینج ساری با لونه اوق فقیما نه تحقیق ایندله
 خا قیوم اینت دکله اولوبه ساری خا وک حاطان
 مقلد بو مقلد کل ایلون برافین دانق فر دانا منته
 ایلون برافین دانق لیس لیس دانق حسن لکه اوق دانق
 لیس عان حسن لیس لیس برافین دانق دانق فقیما
 عقیق ایلون دانق فقیما لیس لیس برافین دانق فقیما
 علمانه برافین دانق تحقیق السبل برافین دانق
 تحقیق قدی برافین لیس نام
 کد را ساروین ذکر با
 کتیق ساروین علی
 کا قیمت ساروین علی
 کتیق ساروین مر فانی جعفر - چو ما ایلوبه اوق
 اورش ساری بجهل ساری درام کتورون ساروین
 اوق فرجه حال اوشی لیس لیس ایت
 با قلیت دره ساری برافین حاطان مقلد لیس
 ساروین ایت لیس لیس فقیما لیس لیس
 کلین عام کتیق هیات ساری دانق دانق
 کتا فصل باره لایق لایق کتورون لایق

شماره (۲۲)
 ۱ دنلوخ اولور - دسینی نغف ساروین مر فانی جعفر
 ۲) برهینی - ایندله اصل نوروین ساروین
 ۳) نعلی قیما فرما لایق لایق دانق دانق
 لایق لایق لایق لایق دانق دانق ساری نام
 ساروین لایق لایق اصل نوروین با لیس ساروین
 ۴) ساروین لایق لایق ایت لایق لایق لایق لایق
 دیا من لایق لایق لایق لایق لایق لایق لایق
 کتورون دیا من لایق لایق
 ۵) ساروین لایق لایق لایق لایق لایق لایق لایق
 دیا من لایق لایق لایق لایق لایق لایق لایق
 دیا من لایق لایق لایق لایق لایق لایق لایق
 ۶) ساروین لایق لایق لایق لایق لایق لایق لایق
 دیا من لایق لایق لایق لایق لایق لایق لایق
 دیا من لایق لایق لایق لایق لایق لایق لایق
 اصل دایا دره جا و
 اصل چنما ساروین ساروین

tertentu dalam meneka apa yang berlaku. Selain berpandukan kepada penemuan-penemuan bahan sejarah, asal usul Gedong banyak juga diceritakan melalui pengkisahan oleh orang tua turun-temurun. Cerita-cerita mereka juga mempunyai pelbagai versi dan ketepatannya masih boleh dipersoalkan. Yang dipaparkan dalam dokumentasi berikut hanyalah sebahagian daripada versi sejarah menurut kajian pihak-pihak tertentu, khususnya oleh kumpulan penyelidik "Gedong Memudiki Sejarah Menghiliri Budaya".

Gedong yang terletak pada cabang Batang Sadong dan Batang Krang menyimpan seribu satu kisah kehidupan penduduk yang pernah mendiami kawasan itu sejak turun-temurun. Sebahagian kisahnya yang berliku dan menarik itu telah mengundang minat beberapa pengkaji sejarah, terutama sejak pihak Muzium Sarawak menemui pelbagai peninggalan arkeologi yang terkubur di perut buminya.

Sejarah Sarawak tidak dapat lari daripada memperkatakan tentang Gedong yang terkenal pada zaman silam sebagai sebuah pusat entreport yang mempunyai hubung kait ekonomi dengan China. Ini terbukti daripada penemuan pelbagai bahan-bahan sejarah yang ditemui dan disimpan oleh pihak Muzium Sarawak dalam misi penggalian bahan-bahan sejarah lewat tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an.

Tanah di antara dua lembah sungai adalah merujuk kepada tanah yang dihimpit dan berada di tengah dua sungai iaitu Batang Sadong dengan Batang Samarahan. Tanah yang dihimpit inilah wujudnya sebuah kerajaan negeri Melayu sekitar abad yang ke-15, iaitu negeri Melayu Sadong dan berkait rapat dengan Samarahan. Tanah yang terhampar ini membuktikan wujud peradaban yang tinggi yang dibuktikan dengan kewujudan penempatan hidup manusia. Sadong yang wujud bertempat di Gedong mengacu sebagai pusat pentadbiran pemerintahan. Kewujudan Sadong ini seiring dan sezaman dengan beberapa pemerintah kerajaan Melayu di Barat Daya Kepulauan Borneo seperti Saribas, Kelaka dan Sawaku (Sarawak).

Data fizikal menunjukkan Gedong terletak di pesisir Batang Sadong dan 90 kilometer dari bandar raya Kuching dan berdekatan dengan Serian. Gedong merupakan kawasan petempatan tertua, dengan menyimpan pelbagai sejarah lampau yang sangat bernilai harganya. Gedong merupakan sebuah petempatan manusia awal yang didiami oleh penduduk Melayu sejak zaman klasik. Kewujudan Gedong adalah seiring dengan kewujudan kerajaan Sadong yang terbina pada tahun 1489 Masihi. Penjangkalan masa

Foto 1.1. Manuskrip "Sejarah Banting dan Asal Usul Keturunan Nenek Datuk" ditulis oleh Abang Mohammad Zain pada tahun 1924. Sumber: Kumpulan Penyelidik.

telah merungkai terdapat 13 generasi pemerintah di Batang Sadong. Sejarah silam juga merakamkan kekuasaan di Gedong pernah di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei sebelum pemerintahan Rajah Putih di Sarawak.

Pensejarahan Penerokaan Awal di Gedong (Zaman Prasejarah)

Alamat Zaman Ketakhtaan Negeri Brunei dan Salasilah Raja Brunei

Perkembangan kerajaan Brunei telah memberi gambaran yang sangat jelas adanya negeri Sadong. Sejarah Brunei Awang Alak Betatar ialah raja yang pertama dan telah menganut agama Islam dengan gelaran nama Sultan Muhamad. Pemerintahan baginda bermula pada tahun 1364 Masihi. Pada masa inilah beberapa negeri Melayu yang lain termasuk Sadong telah dianugerahkan kepada Kesultanan Brunei bersama-sama negeri yang lain iaitu Sarawak, Kalaka, Samarahan dan Saribas. Jelaslah bahawa negeri Sadong yang bermula dengan beberapa pusat petempatan awal di sepanjang Batang Sadong telah berkembang menjadi entiti politik tersendiri sebagai sebuah negeri. Di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei, tanah Sadong telah menjadi sebuah jajahan yang menguntungkan Kesultanan Brunei. Kesuburan bumi Sadong satu kelebihan yang tidak ternilai. Lembah Batang Sadong merupakan sebuah kawasan tanah subur yang sesuai untuk pertanian, khususnya aktiviti penanaman padi. Gedong yang terletak hampir di pertengahan sungai telah menjadi salah sebuah

pusat pentadbiran yang wujud di Sadong. Kisah tanah di antara dua sungai ini telah dijelaskan berdasarkan beberapa fakta dokumen dan sumber manuskrip. Oleh hal yang demikian, nama Sadong juga wujud dalam beberapa catatan awal dalam manuskrip Melayu Sarawak. Antara catatan yang menyebut Sadong adalah alamat ketakhtaan Brunei seperti catatan yang berikut:

“...dan pada masa Ratu Melaka di atas Kerajaan di negeri Johor Awang Alak Betatar beristeri ke Johor ialah digelar Awang Alak Betatar Paduka Seri Sultan Muhammad dan saudaranya digelar Patih Berban jadi Bendahara Seri Maharaja Permaisuri dan pengiringnya yang lain itu digelar jadi Penggawa, Damang, Temenggung dan Patih, di mula-mula bermacam-macam nama Penggawa dan dianugerahkan lagi oleh Baginda di Johor empat menteri yang besyar dan beberapa Pegawai dan askar dengan bitupaya beberapa dayang-dayang, dianugerahi nobat Negara Genta alamat serta sekalian alat kerajaan yang berbagai-bagai dan dianugerahi sebuah Negeri iaitu Kelaka dan Saribas, dan Rajang dan Sadong dan Sebangan dan Samarahan dan Sarawak”

Alamat ketakhtaan Brunei ini sangat signifikan sehingga menjadi penanda rujukan dalam memahami konteks hubungan Sarawak dengan Kesultanan Brunei. Berdasarkan sumber manuskrip ini, Sadong telah disebut sebaris dengan negeri-negeri Melayu yang wujud di pesisir barat daya Pulau Borneo berhampiran dengan Laut China Selatan. Kenyataan “dianugerahi” ini jelas menunjukkan Sadong telah lama wujud sebelum catatan ini, sama ada sebelum kewujudan pemerintah Brunei oleh Awang Alak Bertatar.



Sungai Gedong

Bahawa kenyataan nama-nama raja-raja yang menjadi sultan kerajaan di negeri Brunei.



"Al-kisah pari menyatakan zaman dahulu kala negeri Brunei beragama kafir, rajanya kafir. Pada zaman itu negeri Brunei menghantar ufti ke Majapahit setahun setempayan air pinang muda. Maka apakala Awang Alak Betatar menjadi Raja tiadalah baginda menghantar ufti lagi ke Majapahit. Ratu Majapahit pun sudah mati dan Patih Gajah Mada pun mati. Negeri Majapahit pun tiada daya upaya. Demikianlah riwayatnya – maka Awang Alak Bertatar dua saudara dengan Patih Berbai asal Raja datang dari Ghaib / Taif? 12 orang penggawa jadi pengiringnya ialah yang sangat gagah berani pada masa zamannya itu. Dan pada masa Ratu Melaka di atas Kerajaan di Negeri Johor Awang Alak Bertatar beristeri ke Johor ialah digelar Awang Alak Betatar Paduka Seri Sultan Muhammad dan saudaranya digelar Patih Berbai jadi Bendahara Seri Maharaja Permaisua dan pengirinya yang lain itu digelar jadi Penggawa, Damang, Temenggung dan Patih. Di mula bermacam-macam nama penggawa dan dianugerahi lagi oleh Baginda di Johor empat menteri yang besyar dan beberapa pegawai dan askar dengan bidupannya beberapa dayang-dayangnya, dianugerahi nobat Negara genta alamat serta sekalian alat kerajaan yang berbagai-bagai dan dianugerahi sebuah negeri iaitu Kelaka dan Saribas dan Rajang dan Sadong dan Sebang dan Samarahan dan Sarawak kerana dahulu di Johor pun memerintah juga ialah dianugerahkan sekali kepada anak baginda menjadi milik sepanjang-panjang rantau itu di bawah perintah Sultan Brunei. Demikianlah riwayatnya pada zaman dahulu kala- ialah Raja Sultan yang pertama kerajaan bergelar Paduka Seri Sultan Muhammad dan Raja kedua Paduka Seri Sultan Ahmad dan ketiga Syarif Ali Paduka Seri Sultan Berkat dan keempat Paduka Seri Sultan Sulaiman dan Kelima Paduka Seri Sultan Bolkihah dan keenam Paduka Seri Sultan Abdul Qahhar dan ketujuh Paduka Seri Sultan Saifuddin dan kelapan Paduka Seri Sultan ??? dan kesembilan Paduka Seri Sultan Hasan dan Kesepuluh Paduka Seri Sultan Abdul Jalil al-Akbar dan sebelas Sultan Abdul Jalil al-Jabar dan kedua belas Sultan Muhammad Ali dan tiga belas Sultan Abdul Mubin empat belas Sultan Muhyiddin lima belas Sulan Alauddin enam belas Sultan Kamaluddin tujuh belas Sultan Nasruddin lapan belas Sultan Omar Ali Saifuddin sembilan belas Sultan Muhammad Tajuddin dua puluh Sultan Muhammad Jamalul 'Alam dua puluh satu Sultan Muhammad Kanzul 'Alam dua puluh dua Sultan Omar Ali Saifuddin dua puluh tiga Sultan Abdul Mubin dua puluh empat Sultan Hashim dua puluh lima Sultan Muhammad Jamalul 'Alam dua puluh enam Sultan Ahmad Tajuddin."

(Dialih ke rumi oleh Dr. Juanda Jaya)

Foto 1.2. Kenyataan nama-nama raja-raja yang menjadi sultan kerajaan di negeri Brunei dalam Manuskrip "Silsilah Raja-Raja Berunai".
Sumber: Pusat Sejarah Brunei.

Namun demikian, berbeza pula teks manuskrip "Silsilah Raja-Raja Berunai" yang menyatakan bahawa kawasan Sadong (Gedong), Sabangan dan Samarahan, kesemuanya digelar "Negeri Samarahan" dengan jelas sekali. Penggabungan ini seolah-olah untuk memberi gelaran nama sahaja. Namun demikian, tempat yang disebut Gedong, Sabangan dan Samarahan adalah tempat yang berasingan kedudukannya. Teks manuskrip "Silsilah Raja-Raja Berunai" juga telah menyatakan akan

kewujudan sebuah negeri yang bernama “Negeri Mukah”. Perbandingan kedua teks ini “Alamat Zaman Ketahtaan Nagari Baruni” dan “Silsilah Raja-Raja Berunai” ini juga dilihat dari segi pentarikhan manuskrip yang jelas berbeza. “Alamat Zaman Ketahtaan Nagari Berunai” lebih awal berbanding dengan “Silsilah Raja-Raja Berunai”. Berikut merupakan transkrip asal terjemahan tersebut:

“Bermula pada zaman Awang Alak Betatar menjadi raja di dalam Berunai, lagi kafir di dalam Berunai; dan pada masa itu dita’lok oleh Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada dan menghantarkan upti pada tiap-tiap tahun ke Majapahit satu tempayan ayer pinang muda. Maka manakala telah sudah binasa negeri Majapahit itu, tiadalah lagi menghantar upti melainkan Berunai beraja sendirinya dan berkuasa pada teluk rantaunya. Shahadan tersebut pula negeri Johor. Ada pun mula-mula pada zaman Sultan Bahteri naik kerajaan di dalam negeri Johor, maka zamannya dipanggilnyalah Awang Alak Betatar dan Pateh Merbai di dalam negeri Berunai ke Johor. Maka apabila sudah sampai dinegeri Johor, Awang Khalak Betatar itu Sultan Muhammad ialah jadi raja yang pertama dalam Berunai dan Pateh itu digelarnya jadi Pangeran Bendahara Seri Maharaja. Maka Sultan itu dianugerahai oleh Yang Di Pertuan Johor nobat Negara dan genta alamat dan negeri lima buah iaitu negeri Kalaka, dan negeri Saribas dan negeri Samarahan dan negeri Sarawak dan Mukah.”

Prapanca Nagarakartagama

Kewujudan naskhah epik Jawa ini adalah pada masa pemerintahan Raja Hayam Wuruk dan Patih Gajah Mada sekitar abad yang ke-14. Secara faktanya yang tertulis di dalam buku *Negarakertagama* yang ditulis oleh Mpu Prapanca pada tahun 1365 Masihi, iaitu merupakan pengikut Buddha yang hidup di istana Hayam Wuruk. Penulisan epik Jawa ini adalah dalam bentuk kesusasteraan sejarah berbentuk Syair Jawa. Epik Jawa ini menerangkan beberapa bentuk pentadbiran Kerajaan Majapahit sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri iaitu kekuasaan di wilayah jajahan takluk.

Teks epik Jawa ini juga telah merakamkan kewujudan beberapa wilayah jajahan Majapahit di Timur, iaitu di Kepulauan Indonesia. Seperti yang telah terbukti oleh teks “Alamat Zaman Ketahtaan Nagari Baruni” bahawa Kerajaan Brunei sebelum abad ke-14 adalah merupakan negeri jajahan takluk Majapahit. Selain itu, wujud juga beberapa tempat di Kepulauan Borneo yang menjadi negeri jajahan takluk Majapahit seperti yang tercatat dalam Epik Jawa Nagarakartagama.

“... Buruneng, Kalka, Saludung, Solot, Pasir, Baritu, Sawaku juga Tabalung, Tunjung Kutei ,...”

Kenyataan ini sangat jelas menggambarkan akan kewujudan beberapa negeri Melayu di Barat Daya Kepulauan Borneo. “Kalka”, “Saludung” dan “Sawaku” merupakan Negeri Melayu yang sama dengan kenyataan dari sumber “Alamat Zaman Ketahtaan Nagari Baruni” iaitu Kalaka, Sadong dan Sarawak. Namun demikian, kewujudan sumber epik Jawa ini sangat penting dalam memberi tafsiran akan wujudnya pengaruh dari Kerajaan Majapahit. Secara tidak langsung memberi gambaran awal mengenai kehidupan masyarakat awal sebelum kedatangan Islam dipengaruhi oleh kehidupan, agama dan kebudayaan yang dibawa oleh Kerajaan Majapahit.

Sumber manuskrip telah menyatakan kewujudan penempatan awal dan negeri Melayu awal di Kuala Sadong telah berlaku lebih awal iaitu sejak zaman kekuasaan pemerintahan Kerajaan Majapahit. Sadong sebagai sebuah negeri sangat jelas dicatatkan walaupun kadangkala dirangkumi dengan Negeri Melayu Samarahan. Sadong, nama yang cukup awal dinyatakan keberadaannya dan pada abad ke-16 dinyatakan dengan jelas dalam pemerintahan Kesultanan Brunei dan dikenali sebagai Gedong. Kebenaran kewujudan ini disokong dengan sumber arkeologi yang masih menyimpan bukti tinggalan yang sangat bernilai dalam pensejarahan Gedong.

Sumber Arkeologi

Kependudukan awal yang berlaku di Gedong merujuk kepada pesisir Batang Sadong bukanlah sesuatu yang baharu malahan telah berlaku sejak zaman purba kala khususnya dan kepulauan Borneo amnya. Kependudukan awal ini jelas menunjukkan bahawa telah berlakunya budaya manusia primitif di sekitar Gedong yang jelas digambarkan dalam kajian arkeologi. Kependudukan awal manusia yang dikesan berhampiran dengan Gedong ini juga dipengaruhi oleh keadaan geografi di dalam kedudukannya di kepulauan Borneo.

Beberapa kawasan yang dikesan mempunyai nilai manusia purba ini sangat dipengaruhi oleh kawasan tempatan seperti kawasan tanah datar yang tinggi berbukit mahupun bergunung. Kajian awal manusia purba yang dikesan sekitar Gedong adalah di Gua Sireh, Serian. Serian merupakan tempat yang paling dekat dengan Gedong dan

juga dikenali bahagian Hulu Batang Sadong. Gua Sireh terletak di kawasan tanah tinggi berhampiran dengan Gunung Sedong. Gunung Sedong telah menganjur terus dengan satu Banjaran Bongo dengan Gunung Penrissen yang juga merupakan persempadanan antara Malaysia (Sarawak) dengan Indonesia (Kalimantan Barat).



Foto 1.3. Kegiatan cari gali yang sedang dilakukan di Gedong.

Gua Sireh yang telah diduduki oleh manusia purba sejak awal lagi iaitu pada Zaman Batu (Paleolitik), Zaman Batu Baharu (Neolitik) dan Zaman Besi (Mesolitik) kira-kira 21 ribu tahun yang lalu. Kewujudan Gua Sireh hampir sama dengan Gua Niah di Miri yang pernah diduduki manusia purba. Namun, kedudukan Gua Niah dengan Gua Sireh terdapat perbezaan yang sangat ketara. Gua Niah tidaklah terletak di kawasan yang dalam sehingga perbatasan sempadan dengan Kalimantan Indonesia malahan hanya berada di kawasan yang tinggi-berhampiran dengan Laut China Selatan seperti Gunung Santubong. Pembuktian yang telah ditunjukkan oleh Gua Sireh ini

dapat dilihat dengan peninggalan purba iaitu, terjumpanya tembikar, kulit siput, manik, tanah perkuburan dan lukisan batu. Kesemua peninggalan purba ini menyatakan bahawa manusia wujud di Gua Sireh dan kewujudan ini harus diketahui oleh generasi masa ini agar dapat dinilai dan mengambil iktibar. Secara tidak langsung kesemua elemen ini telah merakam keberadaan sejarah yang lampau dan bersifat purba di sekitar Gedong.

Jika ada kewujudan manusia sudah semestinya ada corak kehidupan masyarakatnya yang menjadi nilai-nilai norma hidup dan membawa kepada ajaran kepercayaan. Kehidupan rutin harian masyarakat terdahulu ini harus diteliti agar tingkahlaku harian masyarakat dapat diketahui bagaimana mereka menjalani kehidupan dan corak kehidupan sezaman tersebut. Penemuan hampas padi pada tembikar yang diperoleh dari Gua Sireh telah membuktikan penanaman padi dan beras sebagai bahan makan rutin hari pada masa prasejarah. Selain itu, aktiviti pertanian ini jelas menggambarkan corak kehidupan dan pola aktiviti masyarakat zamannya iaitu penduduknya hidup menetap dan tidak berpindah-randah. Walaupun aktiviti pertanian ini dijalankan secara tetap namun demikian kehidupan mencari hasil hutan juga masih tetap dilakukan kerana interaksi dengan persekitaran alam semula jadi.

Kewujudan beberapa kerajaan zaman awal juga dikesan di kawasan Sadong. Kerajaan tua ini menunjukkan bahawa manusia yang menduduki lembah delta Batang Sadong telah berinteraksi dengan masyarakat di luarnya. Penemuan arkeologi bukan sahaja telah menggambarkan wujudnya manusia purba malah wujud juga hubungan dengan beberapa buah kerajaan dari luar. Penemuan ribuan serpihan tembikar di Gedong dan Bukit Sandong jelas menggambarkan aktiviti masyarakatnya yang dilakukan pada masa dahulu iaitu hubungan perdagangan. Kajian yang dilakukan terhadap tembikar ini telah membuktikan bahawa kewujudan pusat perdagangan awal dari abad ke-14 sehingga abad ke-17.

Kewujudan arkeologi di kawasan Gedong juga menunjukkan terdapatnya kesinambungan politik di pantai (Santubong) dengan politik di pedalaman (Gedong). Gedong seolah-olah telah menyambung ruang waktu yang lompong dalam arkeologi di Santubong iaitu selepas abad ke-14. Berbeza juga pendapat yang dikemukakan oleh Lucas Chin yang menunjukkan Gedong sebagai sezaman dengan Santubong pada awal abad ke-7 sehingga abad

ke-13. Penemuan 30 ribu serpihan tembikar mempunyai asal dan ketuaan yang sama di antara Santubong dan Gedong. Namun demikian, penemuan ini merujuk kepada kajian arkeologi di Gedong yang menjumpai tembikar yang mempunyai asal dan ketuaan sama dengan Santubong.




Foto 1.4. Penemuan hasil arkeologi di Gedong.
Sumber: Muzium Sarawak.

Kajian arkeologi Gedong telah dilakukan beberapa siri cari gali iaitu pertama dilakukan pada November 1967, kedua Disember 1968 dan ketiga April 1969. Hasil arkeologi Gedong ini telah menjumpai beberapa artifak yang tertanam selama ratusan tahun. Penemuan cari gali di Gedong ini menunjukkan bahawa seramik pada akhir zaman Dinasti Sung kira-kira pertengahan abad ke-13. Selain itu, arkeologi di Gedong juga menjumpai kepingan duit syiling China dalam keadaan yang masih baik. Pada kepingan duit syiling tertulis perkataan “Kai Yuan Tung Pao” pada zaman empayar Kao Tsu pada Dinasti Tang pada tahun 618-626 iaitu abad yang ke-7. Dijumpai juga duit syiling yang berkaitan dengan Brooke dengan tarikh iaitu 1897. Penemuan artifak seramik

dan tembikar seolah-olah memberi gambaran awal akan wujudnya pertempatan manusia bersama-sama dengan aktiviti perdagangan di Gedong. Aktiviti perdagangan ini disokong oleh artifak penemuan syiling yang diistilahkan sebagai “Teori Numismatik”.



Foto 1.5. Syiling 1897.
Sumber: Koleksi keluarga Haji Mustapa.

Arkeologi yang terdapat di Gedong sangat penting dalam menerangkan sejarah Gedong yang bersifat periodisasi dan pentarikan. Penemuan artifak arkeologi di Gedong melihat perhubungan Gedong sebagai pelabuhan yang didatangi oleh para pedagang dari luar. Hasil kajian arkeologi di Gedong pernah didatangi pedagang dari zaman Dinasti Ming pada tahun 1368 hingga 1644. Namun demikian, tidak dapat dinafikan akan wujud penemuan artifak dari zaman Dinasti Tang sehingga Dinasti Sung yang wujud sezaman dengan Santubong sebagai pelabuhan. Rumusan jelas menerangkan bahawa arkeologi di Gedong merupakan zaman kesinambungan dari zaman di Santubong selepas abad ke-14. Secara tidak langsung, Gedong telah mengambil alih sebagai pelabuhan intrepot antara perdagangan kawasan pedalaman dengan kawasan pesisir pantai.

Hubungan perdagangan yang berlaku di Gedong dapat dilihat apabila sungai memainkan peranan utama apatah lagi Kuala Batang Sadong sangat luas di muara tidak menjadi halangan kapal-kapal pedagang datang singgah berdagang dan berteduh. Hasil pertanian dan pengumpulan hasil hutan semula jadi telah menjadi bahan dagangan.